



LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU (LTAWNT)

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang **221502** dan berdaftar sebagai Syarikat Bumiputera Tempatan dengan pendaftaran masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini serta masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk perkhidmatan sepertimana berikut :-

Tajuk Sebutharga	Kelayakan	Tempat Dan Tarikh Dokumen Mula Dijual	Harga Dokumen	Tempat, Tarikh Dan Waktu Sebutharga Tutup
SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PENYEWAAN LIMA (5) UNIT MESIN FOTOSTAT DIGITAL BERWARNA DI BANGUNAN MILIK LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU (LTAWNT). NO. SEBUTHARGA: LTAWNT.SB 6/2026	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 221502 dan berdaftar sebagai Syarikat Bumiputera	KAUNTER PEJABAT, LTAWNT No. 61 & 62, Paya Keladi, Jalan Banggol, 20100 Kuala Terengganu Terengganu Darul Iman 13 September 2026 (Ahad) hingga 27 September 2026 (Ahad) (8.30 pagi – 3.30 petang)	RM10.00	KAUNTER PEJABAT, LTAWNT No. 61 & 62, Paya Keladi, Jalan Banggol, 20100 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman 28 September 2026 (Isnin) 12.00 tengahari
SYARIKAT ATAU WAKIL SYARIKAT YANG DIBERI KUASA HENDAKLAH MEMBAWA BERSAMA SIJIL PENDAFTARAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM), SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN SIJIL TARAF BUMIPUTERA SERTA LAIN-LAIN SIJIL YANG BERKAITAN YANG ASAL DAN SATU SALINAN BAGI SETIAP SIJIL (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN) DISERAHKAN KEPADA PENGURUSAN INI SEMASA MEMBELI DOKUMEN SEBUTHARGA. JIKA SEKIRANYA MEWAKILI SYARIKAT, DOKUMEN PENGENALAN DIRI DAN SURAT PERWAKILAN SYARIKAT HENDAKLAH DIKEMUKAKAN SEMASA PEMBELIAN DOKUMEN SEBUTHARGA.				

Iklan Sebutharga juga boleh didapati melalui laman sesawang rasmi Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) di <https://ltawnt.gov.my/ltawnt/>

Bayaran bagi dokumen sebutharga hendaklah dibuat secara atas talian di no. akaun **Ambank Islamic, 022-202-202-6269** sahaja. **Dimohon pihak syarikat untuk mengisi nama syarikat dan no. sebutharga pada ruangan rujukan atau "reference" transaksi bayaran. Syarikat tidak dibenarkan untuk membuat apa-apa pembayaran selain daripada cara tersebut di atas sahaja dan bayaran secara tunai serta bayaran melalui Mesin Deposit Tunai atau "Cash Deposit Machine" (CDM) juga adalah tidak dibenarkan.** Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil syarikat yang sah sahaja bersama bukti pembayaran bagi dokumen tersebut.

Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **berlakri** dan ditulis **nombor sebutharga** dan **tajuk sebutharga** serta **tarikh tutup sebutharga** serta dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Sebutharga** pada masa dan tempat yang ditetapkan iaitu di Kaunter Pejabat, **LTAWNT**.

Pihak **LTAWNT** tidak terikat menerima tawaran terendah serta tiada sebarang alasan diberikan ke atas mana-mana sebutharga yang ditolak atau tidak berjaya. Keputusan sebutharga adalah muktamad. Tawaran sebutharga yang lewat diterima dari waktu dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Sebarang pertanyaan boleh terus menghubungi Pejabat LTAWNT di talian 09-6261100/01/02.

Setiausaha
Lembaga Tabung Amanah Warisan
Negeri Terengganu